

Pupuk 'Keluarga Besar Dunia'

UM - 26/9/2021 mlb: 3

Oleh **AMREE AHMAD**

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia menggariskan tujuh perkara asas perlu diberi perhatian masyarakat dunia dalam menangani pelbagai isu kemanusiaan dan jurang ketidakseimbangan global.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyarankan komuniti sejagat mengenyepikan segala perbezaan demi mewujudkan 'Keluarga Besar Dunia' yang berkekalan.

"Inilah semangat yang disemai kami di Malaysia dengan merujuk diri semua sebagai Keluarga Malaysia," kata beliau pada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) malam tadi.

Ucapan Ismail Sabri adalah penampilan sulung beliau dalam sesi Debat Umum Ke-76 bersempena UNGA di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat yang ber-



ISMAIL SABRI YAAKOB

langsung secara maya.

Sesi khas itu bertemakan 'Membangun ketahanan melalui harapan - pulih daripada Covid-19, bina semula secara lestari, bertindak balas demi keperluan planet, menghormati hak manusia dan menghidupkan kembali PBB'.

Ismail Sabri turut menzahirkan komitmen Malaysia dalam mengurus, menangani dan me-

mulihkan diri daripada pandemik maut yang wajar diperangi bersama.

"Misi kita semua adalah sama, tiada yang selamat sehinggalah semua selamat. Justeru, ayuh tolak perbezaan pendapat dan kita akan melindungi nyawa dan kehidupan," jelas Ismail Sabri.

Berhubung diplomasi kesihatan, Perdana Menteri berkata, ia memerlukan kesungguhan semua negara untuk berkongsi amalan terbaik bagi pemulihan pantas.

Namun, kata beliau, realiti yang berlaku ialah bekalan vaksin yang sepatutnya tiada diskriminasi telah dibolot negara kaya manakala banyak negara miskin jauh ketinggalan.

Sebelum Covid-19, komuniti sejagat pernah berdepan banyak wabak serius yang menyaksikan kerjasama global merentasi sempadan mampu menyelesaikan krisis tersebut sangat pantas.

Ismail Sabri turut menyen-

tuh berhubung ketidaksamaan pertumbuhan dan usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti ditetapkan PBB menjelang 2030.

Laluan ke arah itu bukan mudah dan memerlukan usaha berterusan apatah lagi kemunculan Covid-19 membantutkan perkembangan banyak negara.

Secara jujur, dunia disifatkan semakin jauh menggapai agenda SDG, tetapi beliau optimis dan mengajak negara yang terkesan untuk belajar cara Malaysia cuba keluar daripada kemelut itu.

"Tahun lalu, Keluaran Dalam Negara Kasar kami menguncup 5.6 peratus, terburuk dalam tempoh 20 tahun pasca krisis kewangan Asia, namun Malaysia tidak berputus asa," katanya.

Katanya, menerusi Pelan Pemulihan Negara, ekonomi Malaysia mula bangkit, malah dalam masa sama, berjaya melonjakkan kadar imunitasi Covid-19.